

19 FEB 2003

NAM-Ekspo (Strandcom)/I

STRANDCOM TAWARKAN SISTEM RUMAH PINTAR BUATAN M'SIA BERTARAF DUNIA

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Berbekalkan semangat "Malaysia Boleh", sebuah syarikat Bumiputera berjaya mengukir nama dalam sistem rumah pintar secara menggabungkan keselamatan dan automasi dengan hanya sebahagian kos barangan import.

"mi.GUARDZ", sebuah sistem amaran dan automasi rumah pintar yang dibangunkan oleh Strandcom Sdn Bhd, menawarkan ciri-ciri yang berharga 85 peratus lebih rendah dari yang diimport. Sebagai contoh, sistem yang diimport bernilai di sekitar RM25,000 dijual oleh Strandcom pada harga kurang dari RM5,000.

Dan kualiti sistem itu berada pada kelas antarabangsa yang menepati piawaian yang ditetapkan oleh Sirim Bhd dan pihak berkuasa di Eropah serta Amerika Syarikat.

"Ujiannya bukanlah terhadap teknologi kerana ianya sudah sedia ada, sebaliknya menguji keupayaannya untuk (dari jauh) mengawal peralatan elektrik pada harga mengikut kemampuan orang ramai," kata Ketua Eksekutif Kumpulan Strandcom Badardin Ahmad.

Semasa ditemui Bernama pada acara sampingan pameran perdagangan "Showcase Malaysia 2003" yang diadakan sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, beliau berkata Strandcom terhutang budi kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyemai semangat "Malaysia Boleh" di kalangan rakyat Malaysia.

"Ia bukanlah sesuatu yang sekadar disebut, orang buat main-main atau perli. Ia sebenarnya menaikkan sebuah negara dari azam tertentu kepada satu tekad yang baru.

"Datuk Seri Dr Mahatir juga telah menunjukkan jalannya kepada kita. Anda tidak melihat Cyberjaya (sebuah bandar pintar di tengah-tengah Projek Koridor Raya Multimedia) di setiap negara di dunia," kata beliau.

Pengwujudan Cyberjaya, kata Badardin, telah meningkatkan permintaan bagi sistem rumah pintar bertaraf dunia dan syarikatnya bekerjasama dengan dua daripada tiga pemaju hartanah di Cyberjaya untuk memasang unit-unit perumahan mereka dengan mi.GUARDZ.

Strandcom juga melakukan perkara yang sama dengan lebih 30 pemaju hartanah yang lain di seluruh negara.

"Kami juga melaksanakan projek bagi rumah-rumah individu yang menelan kos dari serendah RM3,000 bagi sebuah rumah sehingga mencapai RM300,000 setiap rumah."

Badardin mendedahkan bahawa Strandcom telah menyaksikan peningkatan yang mengagumkan sejak syarikat itu ditubuhkan lebih dua tahun yang lepas.

"Kami mencatatkan hasil RM700,000 pada 2001, RM4.5 juta pada 2002 dan menasarkannya RM24 juta tahun ini. Pada tahun yang pertama, kami kerugian RM600,000 tetapi kami memperolehi keuntungan selepas cukai sebanyak RM1.3 juta tahun lepas dan tahun ini pula, kami menetapkan sasaran keuntungan selepas cukai sebanyak RM7 juta.

"Harap-harap menjelang September atau Oktober kami boleh disenaraikan di MESDAQ. Kami menerima cadangan daripada empat bank saudagar untuk menaja penyenaaran kami dan kami kini di peringkat melantik salah satu daripadanya," kata Badardin.

Beliau berkata Strandcom menjangkakan untuk mendapatkan antara RM10 juta dan RM12 juta daripada usaha-usaha penyenaaran yang dirancang itu yang akan digunakan untuk pembesaran pasaran luar negara.

"Setakat ini kami memberikan tumpuan dalam Malaysia tetapi pada November lepas kami mula melihat kepada Thailand dan pada bulan lepas pula kepada China. Dan reaksi yang kami perolehi ialah mereka tidak pernah melihat sesuatu yang seperti itu sebelum ini," kata beliau lagi.

mi-GUARDZ merupakan satu ciptaan yang unik kerana ia membolehkan pengguna untuk berhubung dengan peralatan elektrik menerusi talian telefon tetap, telefon bimbit, internet, Pembantu Digital Peribadi (PDA) dan telefon tanpa wayar.

Ia membolehkan pemilik yang meninggalkan rumah mereka untuk antara lain, memalapkan lampu, menghidupkan pemanas air, mengawasi pembantu rumah atau kanak-kanak di rumah, mengaktifkan langsir tingkap bermotor atau memberikan amaran terhadap penceroboh.

"Sistem kami boleh mengambil sehingga 128 peralatan tanpa menggunakan pemprosesan mikro yang rumit. Kami berupaya menyepadukan jumlah peralatan sebanyak itu dalam sebuah rumah kerana seni bina kami adalah mudah.

"Kami percaya kepada kesederhanaan. Sebaik sahaja 'kepintaran' dalam sistem kami memperolehi maklumat, ia boleh mengawal mana-mana peralatan tanpa mengira jenama atau protokolnya," kata Badardin.

Julai ini, Strandcom akan mereka bentuk semula "motherboard" mi-GUARDZ untuk memberikan ciri-ciri tambahan kepada sistem itu pada harga yang lebih rendah.

"Dengan produk baru ini, kami mensasarkan untuk memasang mi-GUARDZ pada projek-projek perumahan di bawah Syarikat Perumahan Negara, rumah-rumah kerajaan dan rumah-rumah kos rendah," kata beliau lagi.

Badardin berkata dengan sistem modular yang baru, pemilik-pemilik rumah akan dapat menambah ciri-ciri lain pada mi-GUARDZ masing-masing apabila mereka mempunyai wang untuk berbuat demikian.

mi-GUARDZ baru itu, yang akan dibangunkan bersama universiti tempatan, akan mempunyai "sedikit" kepintaran tiruan di mana ia boleh mengenali tabiat pemilik-pemilik rumah.

"Umpamanya, jika anda suka minum kopi dan mandi dengan air panas sebaik sahaja tiba di rumah, sistem itu secara automatik akan menjerang kopi untuk anda dan menghidupkan pemanas air apabila anda pulang," kata Badardin.

Mengenai penyertaan Strandcom pada "Showcase Malaysia 2003", beliau berkata ia bertujuan mempamerkan keupayaan syarikat-syarikat Malaysia untuk mengeluarkan produk-produk bertaraf dunia kepada delegasi NAM.

"Kami ingin menunjukkan bahawa terdapat syarikat-syarikat Bumiputera yang boleh melakukannya tanpa bergantung kepada 'tongkat' kerajaan," kata beliau lagi.

-- BERNAMA
MAD MAM ROS